

Ucapan YAB Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein,
Di Pembukaan Pekan Sehari Sungai Besar Pada 29hb. Mach, 1973, Jam 9.30 pagi.

Saya sangat berbesar hati kerana dapat bersama-sama di sini pagi ini sambil bergembira dan beramah mesra dengan penduduk Sungai Besar ini khasnya dan Sabak amnya. Sukalah saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan yang telah mengaturkan acara yang begitu meriah lengkap dengan pasukan kompang menyambut ketibaan saya sebentar tadi.

Saudara-saudara sekalian.

Inilah kedatangan saya kali yang kedua ke Sungai Besar ini dan saya dapati banyak perubahan dan kemajuan sejak setahun yang lalu. Kompleks Pekan Sehari yang baru ini adalah salah satu dari kemajuan yang saya katakan itu dan pada anggapan saya Pekan Sehari ini amat besar maknanya sebagai mencerminkan hasrat dan cita-cita rakyat di sini terutama sekali penduduk-penduduk kampung Sungai Besar ini. Kita semua maklum, penduduk-penduduk kampung di sini terkenal rajin dan usaha, baik di sawah mahupun di kebun. Penghasilan padi beras, kelapa ubi dan pisang dan lain-lain keluaran kampung menampung kehendak pengguna-pengguna di bandar seperti Kuala Lumpur dan lain-lain bandar besar. Begitu juga saya tahu saudara kita, Datuk Mustafa Jabar, telah pun memulakan tanaman koko secara besar-besaran dan ramai yang menurut tauladan itu.

Semasa lawatan yang lalu, saya juga melawat Rancangan Belia di Merbau Berdarah dan saya sangat sukacita mendengar bahawa sekarang rancangan itu terus maju dan telahpun di tanam dengan tanaman kekal seperti kelapa sawit. Keazaman peneroka-peneroka belia di Merbau Berdarah itu sepatutnya menjadi contoh tauladan kepada rancangan-rancangan belia yang lain di mana Kerajaan telahpun mengeluarkan perbelanjaan yang banyak serta menyediakan segala kemudahan kepada peserta dengan harapan supaya mereka berjaya dalam kehidupan baru.

Saudara-saudara sekalian.

Memandang pada keadaan sekeliling, tidak syak lagi pekan Sungai Besar ini mempunyai potential yang cemerlang dimasa hadapan. Pada pandangan saya, sudah sewajarnya Sungai Besar ini menjadi pusat pertumbuhan baru atau new growth centre bagi daerah ini. Sebagai permulaan kita mengadakan Pekan Sehari ini sebagai tumpuan kegiatan ekonomi untuk penduduk-penduduk tempatan menyalurkan hasil pengeluaran mereka meskipun untuk sekali seminggu. Namun saya percaya kegiatan ini akan semakin meningkat kerana dengan bertambahnya pengeluaran kampung tentulah meningkat pula pendapatan dan purchasing power mereka.

Perkembangan seperti inilah yang bakal melahirkan masyarakat tani baru di Sungai Besar ini yang tidak lagi hidup cara kais pagi makan pagi bahkan lebih mementingkan konsep commercial agriculture di mana mereka berusaha memperoleh pendapatan yang tinggi setanding dengan pendapatan pekerja di bandar. Saya ingin melihat dalam masa yang tidak lama di hadapan kelak sebahagian dari penduduk-penduduk kampung, samada dari kampung-kampung berdekatan ataupun dari rancangan-rancangan baru datang berpindah sebagai lanjutan dari kegiatan ekonomi tradisional atau cara hidup mereka sediakala. Dengan cara itu, akan bermula proses urbanisasi atau membandarise orang-orang Melayu supaya mereka melangkah maju membentuk masyarakat baru yang kita cita-citakan itu.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang seringkali saya katakan, masyarakat tani kita hendaklah sentiasa menyesuaikan diri dengan keadaan dan berpegang kepada konsep bertani untuk berjual bukan lagi bertani untuk makan saja.

Pada amnya penduduk-penduduk Sungai Besar ini sudah pun mengamalkan konsep ini secara sendirian dan seterusnya menerusi Persatuan Peladang Suka Maju. Saya merasa besar hati juga dalam bidang lawatan ini saya diberi penghormatan meresmikan Bangunan Persatuan Peladang Suka Maju Sungai Besar ini. Bangunan yang berharga \$30,000/- ini adalah satu lagi lambang kejayaan penduduk-penduduk Sungai Besar ini yang boleh dibanggakan dan barangkali sukar di tandingi oleh Persatuan Peladang yang lain-lain di seluruh negara.

Saya mendapat tahu Persatuan Peladang Suka Maju telah mencapai kejayaan gemilang dalam masa usianya baru meningkat dua tahun. Dalam urusan perniagaan mencapai turnover lebih dari setengah juta ringgit dan pemberian pinjaman credit kepada ahli juga sebanyak jumlah yang sama di samping itu mempunyai lori dan jentera-jentera pertanian sendiri. Saya mengucapkan pujian dan tahniah kepada ahli-ahli Persatuan Peladang Suka Maju, juga kepada Pegawai-pegawai dan Lembaga Pengarahnya dengan harapan semoga Persatuan ini akan terus maju dan mencapai kejayaan yang lebih tinggi di masa hadapan.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang kita maklum, untuk tempoh beberapa tahun akan datang ini, sektor pertanian akan kekal menjadi landasan ekonomi negara meskipun kita akan terus meningkatkan usaha-usaha di sektor perindustrian. Bagaimanapun, adalah mustahak bagi kita menjalankan segala langkah memodernkan sektor pertanian itu dengan mengambil tindakan segera mengenai beberapa perkara yang menjadi punca kemiskinan. Kerajaan telahpun melaksanakan rancangan kemajuan tanah samada melalui FELDA, FELCRA atau pun rancangan tanah bagi belia dan bekas perajurit. Begitu pula dalam kawasan-kawasan tertentu, Kerajaan akan menubuhkan Pusat Kemajuan Pertanian atau Agricultural Development Centres yang akan menyelaraskan kegiatan-kegiatan berhubung dengan keperluan petani-petani iaitu pinjaman kredit, bekalan benih/baja, jentera disamping menjalankan pemasaran dan menggalakkan penubuhan agro-based industries. Dalam context inilah Pertubuhan Peladang yang baru ditubuhkan iaitu cantuman dari Persatuan Peladang dan agro-based koperatif mesti memainkan peranan utama dengan kerjasama institusi-institusi yang berkenaan seperti Bank Pertanian, Bank Rakyat, Lembaga Padi dan Beras Negara, FAMA, FIMA, SEDC dan MARDI.

Saya suka menyebutkan di sini tentang tugas dan peranan LPN yang di bawah jagaan saya sendiri sebagai badan yang bertanggungjawab menjaga kepentingan petani-petani penanam padi. Di masa-masa yang sudah terdapat kekeliruan setengah-setengah pihak terhadap langkah-langkah yang dijalankan oleh LPN mengawal penjualan padi dari satu-satu kawasan walhal tindakan yang diambil oleh LPN itu semata-mata bertujuan untuk menjaga kepentingan petani-petani sendiri. Saya percaya penanam-penanam padi kita pada masa ini mendapat harga yang berpatutan bagi pada mereka dan di samping itu Kerajaan dapat menjamin harga beras yang berpatutan kepada pengguna-pengguna. Oleh itu, saudara-saudara tidaklah perlu bimbang tentang masa depan perusahaan padi kerana LPN akan sentiasa menjaga kepentingan penanam-penanam padi.

Satu lagi perkara yang hendak saya katakan ialah berkenaan dengan reformasi tanah atau land reform terutama dikawasan pertanian seperti Muda, Kemubu dan Besut di mana Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit menyediakan rancangan pengairan dan lain-lain infrastructure. Di tempat-tempat seperti ini tanah yang dimiliki atau diusahakan oleh satu keluarga petani itu tidak memadai bagi memperoleh pendapatan yang cukup meskipun tertanam dua kali setahun.

Menurut taksiran sekarang, sekurang-kurang luas tanah sawah bagi satu keluarga ialah enam ekar iaitu bagi dua musim. Oleh itu saya menyarankan supaya tuan-tuan tanah yang tidak mengusahakan tanah mereka itu menjualkan saja kepada petani-petani yang benar-benar mengusahakannya dan dengan demikian hasrat "land for the tillers" dapat dilaksanakan.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sekali lagi hendak menyatakan perasaan gembira kerana dapat bersama-sama pada hari yang berbahagia ini. Begitu juga saya ingin mengulangi harapan semoga Sungai Besar ini berkembang maju sebagai growth centre daerah Sabak Bernam ini meskipun pusat pentadbiran akan kekal di Sabak untuk beberapa lama lagi. Saya yakin kemajuan dan kejayaan penduduk disini khasnya melalui pertubuhan seperti Suka Maju dan peniaga-peniaga sambilan di Pekan Sehari ini akan menjadi contoh peneroka dalam konsep membandrisekan rakyat tani supaya membentuk masyarakat Malaysia baru yang inginkan kemajuan, rukun damai, makmur dan bahagian.

Dengan itu saya penuh sukacita meresmikan Pekan Sehari Sungai Besar ini.



Gambar ini menunjukkan Allahyarham Perdana Menteri sedang berucap di Hari Koperasi Antara Bangsa Yang Ke-53 pada 7hb Julai, 1975 di Dewan Tunku Abdul Rahman. Pengenalalan gambar dari kiri ke kanan - Ketua Pengarah LPP Encik Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Datuk Ishak bin Haji Pateh Akhir Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, YB Datuk Haji Mustafa bin Haji Abdul Jabar Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, YM Professor Ungku Abdul Aziz Yang Dipertua ANGKASA, dan YB Encik Moktar bin Haji Hashim Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.